

PILIHANRAYA

22 APRIL



● TAN SRI ABDUL KADIR

Penamaan calon dua minggu lagi

KUALA LUMPUR, Isnin — Suruhanjaya Pilihanraya hari ini mengumumkan penamaan calon pada 7 April depan sementara pemuangan undi pada hari Khamis 22 April.

Pengerusinya, Tan Sri Abdul Kadir Talib, menegaskan dalam satu kenyataan di Kuching, Pilihanraya Umum Parlimen dan Dewan Negeri akan dijalankan serentak di Semenanjung Malaysia.

Notis mengenai tarikh pemuangan undi dan hari penamaan calon, katanya, akan dikeluarkan 30 Mac ini, sehari setelah Parlimen dan Dewan Negeri di Semenanjung Malaysia dibubarkan.

Sedemikian, pemuangan undi bagi Pilihanraya Parlimen di Sabah dan Sarawak akan dijalankan secara berperingkat dari 22 hingga 29 April.

Mesyuarat khas

Tan Sri Abdul Kadir Talib mengeluarkan kenyataan ini selepas pengengerusan mesyuarat khas di Kuching hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahabir Mohamad, mengumumkan pembubaran Parlimen 23 Mac ini selepas pengengerusan mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di kediamannya di sini semalam.

"Berikutan pengumuman tersebut, Suruhanjaya Pilihanraya yang sedang melawat Sarawak memutuskan mengadakan mesyuarat khas hari ini untuk menentukan tarikh penamaan calon dan pemuangan undi," tambahnya.

Inilah pertama kali dalam sejarah pilihanraya umum di Malaysia pemuangan undi diadakan pada hari Khamis. Lastinya, diadakan pada hari Sabtu.

Suruhanjaya Pilihanraya juga memutuskan pilihanraya kali ini akan menggunakan daftar pemilih 1982 yang baru dibubarkan 16 Mac lalu.

Lebih kurang 6.1 juta rakyat yang layak mengundi akan berperlembuan menentukan corak pentadbiran negara kali ini. Bagaimanapun, Barisan Nasional yakin untuk menerima mandat dan meneruskan pemerintahannya di negara ini.

Tan Sri Kadir selanjutnya merayu kepada kesemua parti mengambil bahagian di pilihanraya kali ini supaya

memastikan pemuangan undi dan penamaan calon berjalan lancar dan teratur.

Di Kota Kinabalu, Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh hari ini berkata beliau akan menerima keputusan pemimpin Barisan Nasional mengenai pembahagian kerusi antara Berjaya dan Umno dalam Pilihanraya Parlimen akan datang.

Beliau juga mengesahkan bahawa Berjaya dan Umno akan menggunakan simbol Barisan Nasional dalam pilihanraya nanti.

Bercakap kepada para pemberita sembahinya dari mesyuarat mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional di Kuala Lumpur semalam, Datuk Harris berkata beliau puashati dengan hasil mesyuarat tersebut dan menambah kedua-dua parti telah diberitahu tentang jumlah kerusi masing-masing.

Beliau, bagaimanapun, tidak mengumumkan butir-butir lanjut sambil berkata "saya telah mengotahuti kepada Berjaya dan Umno, juga telah diberitahu tentang bahagiannya, tetapi saya tidak boleh mengumulkannya. Perkara ini akan diumumkan oleh Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr. Mahabir sendiri".

Datuk Harris menekankan tidak akan berlaku perpecahan dalam Barisan Nasional Sabah walau apa pun terjadi semasa pilihanraya.

Ketua Menteri mengucapakan terima kasih kepada pemimpin Barisan Nasional atas pengertian mereka terhadap keadaan politik di Sabah.

Diutara sama ada pemimpin Persekutuan akan membantu kempen di Sabah, Datuk Harris berkata "saya fikir mereka akan berbuat demikian."

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia